

**Muhyiddin Pengerusikan Mesyuarat MB Dan Ketua Menteri  
Bernama  
Oct 28, 2014**

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-122 di Bangunan Perdana Putra di sini.

Mesyuarat yang bermula 10 pagi itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Siregar Abdullah serta barisan menteri kabinet persekutuan.

Antara barisan menteri besar dan ketua menteri yang hadir ialah Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir, Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem.

Menteri kabinet yang turut menyertai mesyuarat itu antaranya ialah Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S.Subramaniam, Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G.Palanivel serta Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1080135>